KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	24/11/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPSM			

4 juta pokok ditanam menjelang akhir 2025

ISKANDAR PUTERI – Kerajaan negeri Johor menyasarkan empat juta pokok akan ditanam menjelang akhir tahun 2025 di bawah Program Penghijauan Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R. Vidyananthan berkata, bagi mencapai sasaran itu, sebanyak 800,000 pokok pelbagai jenis akan ditanam dalam masa setahun.

Menurutnya, pelaksanaan program berkenaan bukan hanya melibatkan kerajaan negeri, malah pihak berkuasa tempatan, badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah dan individu.

"Sehingga Oktober lalu, sebanyak 256,510 batang pokok telah ditanam," katanya pada Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor yang ke-14 semalam.

Beliau menjawab soalan lisan S. Gopalakrishnan (**PH-Tiram**) mengenai tindakan kerajaan negeri berhubung kempen penanaman pokok untuk menjaga alam sekitar (kempen kehijauan).

Program Penghijauan Malaysia peringkat negeri dilancarkan Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad pada 5 Januari lalu.

Vidyananthan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kahang memberitahu, pelaksanaan program itu bertujuan untuk mengekalkan kawasan hijau di seluruh negeri di samping memelihara serta memuliharа kawasan berhutan.

Selain itu katanya, ia bagi meningkatkan kesedaran serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi.

Tambahnya, ia sekali gus merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan liputan hijau sebagai satu agenda nasional selain merealisasi Agenda Penghijauan Malaysia sebagai agenda nasional bagi menangani fenomena perubahan iklim dan alam sekitar.

Kosmo
24.11.2021_16